

UMS Tingkat Kelestarian Kewangan Melalui Penaiktarafan Kemudahan ICT

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 19 Januari 2018 17:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 516

[Kongsi 39](#)

[Syorkan 39](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



JUMAAT, 19 JANUARI –
Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui agenda Transformasi Universiti 4.0 bakal mengoptimakan penggunaan sumber sedia ada melalui penaiktarafan kemudahan ICT dan pembangunan sistem yang mampu membantu meningkatkan kelestarian kewangan universiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, ini adalah bagi memastikan UMS terus kekal relevan seiring dengan cabaran Revolusi Industri 4.0.

“Pasukan pengurusan tertinggi universiti telah merangka strategi melalui Pelan Strategik UMS 2018-2020, dengan salah satu bidang keberhasilan utama universiti iaitu Transformasi Universiti 4.0 antara lain akan melaksanakan penaiktarafan kemudahan ICT dan pembangunan sistem yang dapat menjadikan sesuatu kerja lebih mudah dan efisien untuk dikendalikan.

“Apabila kecekapan dapat dipertingkatkan, ini sekali gus dapat membantu universiti terutamanya dalam meningkatkan kelestarian kewangan yang juga salah satu bidang keberhasilan universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Perkongsian Ilmu ”Inovasi Dalam Penjimatan Untuk Organisasi” bersama Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin di Galeri Majlis, pagi tadi.

Katanya, UMS juga telah melaksanakan beberapa inisiatif penjimatan sebelum ini, antaranya penggunaan kad kredit korporat yang telah dilaksanakan sejak 2013, dan pelaksanaan inisiatif *Bring Your Own Device* (BYOD) yang mampu mengurangkan liabiliti kepada universiti di dalam kos penyediaan, pengurusan, penyelenggaraan, dan pelupusan peralatan ICT UMS.

Pada majlis tersebut, Tan Sri Ahmad dalam sesi perkongsian beliau menerangkan mengenai pendekatan dan inovasi dalam menjana penjimatan dalam organisasi TLDM, serta kepentingan menjalin kolaborasi dengan pelbagai organisasi dan masyarakat yang mampu membantu operasi TLDM sekali gus mengurangkan kos operasi.

Hadir sama pada majlis itu Panglima Armada Timur TLDM, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Syed Zahiruddin Putra Osman; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof; dan Bendahari UMS, Zallifah Shadan.